Berdasarkan hasil analisis kajian keperluan dengan borang soal selidik yang diberikan kepada 2 orang guru yang mengajar di Kelantan dan 3 orang guru yang mengajar di Johor bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3, didapati 4 daripada 5 orang guru tersebut merupakan guru yang bukan daripada opsyen atau bidang yang berkait rapat dengan RBT. Hal ini dapat dibuktikan hasil daripada borang soal selidik yang diedarkan, didapati bahawa Guru I mempunyai opsyen di dalam bidang Pendidikan Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda di dalam bidang Pendidikan Bahasa Melayu Sekolah Menengah. Guru II mempunyai opsyen di dalam bidang Sains Pertanian. Guru III pula mempunyai opsyen di dalam bidang Pendidikan Seni Visual (PSV). Manakala Guru IV dan V mempunyai opsyen di dalam bidang Perdagangan.

Kelima-lima guru ini turut menyatakan bahawa berdasarkan opsyen bidang pendidikan yang mereka miliki, mereka menghadapi masalah apabila mengajar di dalam kelas jika dibandingkan dengan guru yang mempunyai opsyen di dalam bidang RBT dan yang berkaitan dengannya. Pernyataan ini turut disokong oleh Siti Salwa, Rasidayanty, Zainordin, & Jamil (2016), yang menyatakan bahawa guru bukan opsyen mempunyai tahap penguasaan yang belum mencapai tahap yang maksimum terhadap beberapa subtopik yang terkandung di dalam sesuatu mata pelajaran. Oleh yang demikian, terdapat terdapat perbezaan persepsi tahap kemahiran mengajar di antara





guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Selain itu, menurut Juliyana (2016), guru bukan opsyen akan mengalami tekanan kerana mereka perlu mengajar mata pelajaran di luar bidang kepakaran mereka untuk menguasai P&P. Berdasarkan permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru bukan opsyen, maka dengan ini satu modul perlu dibangunkan untuk membantu guru bukan opsyen dalam menjalankan proses PdPc di dalam kelas. Modul yang dibangunkan akan dijadikan panduan oleh guru sebelum menjalankan proses PdPc di dalam kelas.

Tambahan lagi, berdasarkan hasil analisis kajian keperluan yang dilakukan oleh Roslan (2014), mendapati bahawa beberapa masalah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan dialami oleh guru-guru yang tidak mempunyai bidang kepakaran yang berkaitan kerana guru tersebut dikehendaki mengajar untuk menampung kekurangan kekurangan tenaga pengajar di sekolah. Hal ini bertepatan dengan masalah yang dihadapi oleh kelima-lima orang guru iaitu berdasarkan opsyen bidang pendidikan yang mereka miliki, mereka menghadapi kesukaran untuk menyampaikan pengajaran mereka kerana tidak memahami sepenuhnya konsep dan topik-topik yang terkandung di dalam mata pelajaran RBT Tingkatan 3. Pernyataan ini turut disokong oleh Siti Salwa (2014), yang mendakwa bahawa apabila seseorang guru bukan opsyen menyampaikan pengajaran di dalam kelas, guru tersebut tidak dapat melakukannya dengan berkesan dan berkualiti kerana guru itu hanya mahir serta berpengetahuan di tentang bidang pengkhususannya sahaja dan bahan bantu mengajar yang diperoleh juga tidak mencukupi.





Selain itu, menurut (Julismah & Syed Kamaruzaman, 2012), di dalam kajiannya mendapati bahawa guru bukan opsyen kurang menguasai ilmu pedagogi jika dibandingkan dengan guru yang pakar atau guru yang mempunyai opsyen dan bidang pengkhususan. Oleh yang demikian, guru yang berpengkhususan atau opsyen akan lebih bersedia dalam menjalankan proses PdPc agar pelaksanaan RBT dapat memberi kesan yang positif. Manakala, menurut (Mohd Khairuddin, Khalid, Ag Yusof, & Halimah, 2014), apabila guru tidak bersedia dengan baik di dalam bilik darjah, mesej yang disampaikan akan menjadi tidak jelas, pembentangan akan menjadi lemah, tidak teratur, dan disekat, dan pelajar yang bertindak sebagai penerima akan cepat hilang minat dan mengalihkan perhatiannya ke tempat lain. Pernyataan ini turut disokong oleh Zaiha Nabila (2014), yang menyatakan bahawa apabila sesi pembelajaran diadakan, murid akan kurang memberi perhatian kepada guru yang tidak bersedia untuk mengajar.



Bagi memastikan guru bersedia untuk menjalankan proses PdPc, guru tersebut perlu mempunyai pengetahuan serta kemahiran yang mencukupi terhadap mata pelajaran dan topik yang akan diajar agar guru tersebut tidak akan menghadapi masalah dalam menyampaikan pengajaran dengan baik. Menerusi kajian tinjauan awal yang dijalankan kepada lima orang guru yang mengajar mata pelajaran RBT Tingkatan Tiga mendapati bahawa Guru I dan Guru II menyatakan kursus RBT yang dihadiri oleh mereka tidak mencukupi untuk guru menguasai topik Aplikasi Teknologi. Guru III, IV dan V pula berpendapat sebaliknya iaitu kursus yang dihadiri beliau adalah hanya mencukupi untuk dijadikan sebagai panduan mengajar di dalam kelas.





Namun begitu, kelima-lima guru menyatakan bahawa mereka masih belum bersedia untuk mengajar topik tersebut kerana mereka kurang keyakinan disebabkan oleh kekurangan ilmu pengetahuan terhadap mata pelajaran RBT. Pernyataan ini turut disokong oleh Jamaliah (2014), di dalam kajiannya iaitu oleh kerana sukatan mata pelajaran pada masa kini mengandungi teknologi baharu atau terkini yang selaras dengan aliran semasa, guru menghadapi cabaran dalam pengajaran dari segi kekurangan pengetahuan dan kurang keyakinan terhadap diri sendiri. Di samping itu, Saidatul Amira & Irdyanti (2018), juga menyatakan permasalahan yang sama iaitu isu utama yang menyebabkan pengajar kurang cekap dalam pengajaran mereka terutamanya dalam pengajaran praktikal yang penting dalam PTV ialah mereka kekurangan maklumat dan tidak dapat menggunakan kebolehan yang mereka ada. Oleh yang demikian, dengan adanya modul yang dibangunkan, guru-guru dapat menambahkan ilmu pengetahuan berdasarkan nota yang disediakan serta cara penyampaian pengajaran yang terkandung di dalam modul.

Tambahan lagi, antara permasalahan lain yang dihadapi oleh guru-guru tersebut adalah mereka tidak dapat mempelbagaikan Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) untuk digunakan di dalam kelas. Berdasarkan borang soal selidik kajian awal terhadap Guru I dan Guru II mendapati bahawa guru-guru ini hanya menggunakan buku teks sahaja dalam menjalankan proses PdPc di dalam kelas. Guru III, IV dan V pula hanya menggunakan slide power point yang dibekalkan oleh Jurulatih Utama (JU) bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3. Guru-guru juga menyatakan bahawa masih belum ada satu ABBM seperti modul untuk dijadikan panduan dalam menjalankan proses PdPc di





dalam kelas ataupun bengkel. Tambahan lagi, kelima-lima guru turut menyatakan bahawa permasalahan ini timbul adalah disebabkan mereka terlalu sibuk dengan perkara yang tidak berkaitan dengan pembelajaran sehingga menyebabkan mereka tidak dapat membangunkan ABBM sendiri serta merasa tertekan dan tugas utama mereka iaitu mengajar tidak dapat dijalankan dengan baik. Guru tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya pada tanggungjawab utama mereka iaitu menjalankan proses pengajaran dan pemudahcaraan kerana mereka sering melakukan tugas bukan akademik (Esmali, 2017). Hal ini turut dinyatakan oleh Rosnah & Siti Nur Fatimah (2018), yang menjelaskan bahawa oleh kerana guru dikehendaki melaksanakan tugas perkeranian seperti mengisi data dan sebagainya, hal ini akan memberi kesan kepada kualiti pendidikan dan profesion keguruan.



Rentetan permasalahan ini turut disokong oleh Zuhaili & Ramlee (2017), yang

menyatakan bahawa tanggungjawab guru yang semakin meluas bukan sahaja perlu melaksanakan tugas hakiki iaitu, mengajar di dalam kelas, bahkan juga menguruskan aktiviti kokurikulum, pentadbiran dan pengkeranian, hal ehwal murid serta kerja-kerja tambahan lain yang perlu dibuat mengikut keperluan semasa yang akhirnya membuatkan guru tertekan. Selain itu, menurut Shalini & Mohd Jasmy (2018), menyatakan bahawa kebanyakan guru mempunyai jumlah waktu mengajar yang banyak, kerap menjadi guru ganti apabila guru tidak hadir, kuantiti kerja perkeranian yang mesti mereka selesaikan, dan pelbagai tugas tambahan yang ada di bahu mereka yang tidak berkaitan dengan pengajaran semua menyumbang kepada tekanan kerja yang dialami oleh kebanyakan guru. Oleh itu, guru akan mengalami tahap tekanan yang



tinggi dan akan memberikan kesan kepada keberkesanan pengajaran mereka (Abdul Said, 2018).

Secara amnya, ramai yang mengetahui bahawa Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) merupakan kaedah alternatif yang digunakan oleh guru untuk membantu proses PdPc yang dijalankan di dalam kelas. Penggunaan ABBM boleh dikatakan amat penting bagi setiap guru kerana ABBM dapat membantu murid dalam memahami sesuatu topik. Namun begitu, Siti Fatimah (2023), menyatakan bahawa tanpa adanya ABBM, pengajaran guru menjadi lesu, kaku dan hambar kerana pelajar berasa bosan dan tidak berminat untuk mengikuti pengajaran yang lebih cenderung berpusatkan kepada guru. Hal ini disokong oleh Norfarizah & Mohd Zazril Ikhmal (2017), yang menyatakan bahawa penggunaan alat bahan bantu mengajar ini penting kerana dapat menjadikan sesuatu topik atau mata pelajaran yang diajar kepada murid menjadi lebih mendalam dan sesuai.

Sementara itu, Muhammad Haron, et al. (2017), mendapati bahawa guru-guru di Malaysia masih menggunakan buku kerja, kertas A4, pen pelbagai warna, dan kertas edaran secara eksklusif sebagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) utama mereka, penggunaan bahan bantu mengajar masih di tahap yang rendah. Hal ini bertepatan terhadap kajian yang dijalankan oleh Husni, et al. (2018), yang menyatakan bahawa guru masih belum menggunakan ABBM pada tahap yang sepatutnya. Tambahan lagi, menurut Abdul Rahim & Hayazi (2010), secara keseluruhannya tahap penggunaan ABBM dalam kalangan guru-guru teknikal adalah pada tahap sederhana. Pernyataan

ini turut disokong oleh Fadzli & Ranjit Singh (2012), yang menyatakan bahawa tahap penggunaan ABBM dalam kalangan guru- guru di salah sebuah sekolah Daerah Kulim adalah pada tahap sederhana.

Selanjutnya, menurut Suppiah, Barathy, & Sandra (2017), di dalam kajiannya mendapati bahawa guru mengalami masalah kekurangan ABBM serta menghadapi masalah untuk menyediakan bahan bantu mengajar dalam masa yang singkat. Pernyataan tersebut turut disokong oleh Lai, Khaw, & Seah (2010), yang menyatakan bahawa walaupun pada hakikatnya guru-guru mempunyai pendapat yang sangat positif tentang penggunaan bahan bantu mengajar, namun begitu penggunaan bahan sebenar di dalam bilik darjah tidak begitu menggalakkan kerana keterbatasan seperti kekurangan masa, kekurangan bahan, tidak praktikal, beban mengajar yang tinggi, kekurangan sumber kewangan, dan kekurangan kemahiran dalam mencipta bahan pengajaran sendiri. Tuntasnya, di sini dapat dilihat bahawa ABBM merupakan suatu perkara yang penting dalam menjalankan proses PdPc di dalam kelas. Justeru itu, dengan adanya modul yang dibangunkan dapat membantu guru untuk mempelbagaikan ABBM selain daripada buku teks.

Di samping itu, kekurangan kelengkapan alatan dan bahan untuk pembelajaran secara praktikal juga merupakan salah satu faktor utama yang dapat mengganggu proses PdPc di dalam kelas Nor Fasiah (2014), menyatakan bahawa bengkel atau makmal kekurangan kemudahan peralatan yang mencukupi. Selain itu, berdasarkan hasil temubual yang dijalankan oleh Noridahayu, Norhayati, & Dalilah (2015), mendapati bahawa



kebanyakan bengkel amali kekurangan bekalan peralatan yang mencukupi dan peralatan yang ada selalunya lapuk serta rosak, Pelajar juga perlu berkongsi peralatan dan menunggu giliran mereka untuk menggunakan peralatan yang sama sehingga mengganggu proses PdPc mereka. Perkongsian peralatan dan bahan ini mengakibatkan proses pembelajaran amali di bengkel menjadi lambat dan pelajar kurang mendapat manfaat seperti teori yang telah dipelajari.

Permasalahan yang dinyatakan turut dihadapi oleh kelima-lima orang guru tersebut berdasarkan hasil dapatan analisis kajian keperluan yang dilakukan. Menurut guru tersebut, peralatan dan bahan untuk pembelajaran mekatronik adalah terhad kerana kos bagi setiap satu set peralatan dan bahan (Drabot Bot) yang digunakan untuk pembelajaran amali adalah tinggi. Oleh yang demikian, pembelajaran secara amali yang ditetapkan di dalam DSKP mata pelajaran RBT Tingkatan 3 tidak dapat dipenuhi kerana sekolah tidak dapat memperuntukkan Drabot Bot yang mencukupi kepada murid. Tambahan lagi, pembelajaran amali yang dijalankan di sekolah hanya menggunakan Drabot Bot sahaja kerana guru hanya menghadiri kursus yang melibatkan Drabot Bot sahaja dan guru tidak dapat membina satu projek yang baru disebabkan oleh kekurangan pengetahuan. Hasil daripada dapatan borang kajian keperluan yang dijalankan mendapati bahawa guru-guru tersebut bersetuju jika terdapat satu set projek baharu yang mempunyai peralatan dan bahan yang lebih murah berbanding set peralatan dan bahan yang sedia ada. Di sini jelaslah bahawa berdasarkan permasalahan yang timbul, 4 daripada 5 orang guru bersetuju bahawa modul yang dibangunkan dapat mengatasi masalah yang dihadapi kerana Modul Pengajaran dan





Pembelajaran Aplikasi Teknologi ini mengandungi senarai peralatan dan bahan yang dapat dijadikan panduan kepada guru untuk disediakan kepada murid. Tambahan lagi, peralatan dan bahan yang dicadangkan mempunyai harga yang lebih rendah berbanding Drabot Bot yang dibekalkan oleh pihak sekolah.

Seterusnya, berdasarkan penganalisan data yang dilakukan oleh Mohd Rizal & Muallimah (2016), mendapati bahawa disebabkan guru tidak mencuba kaedah pengajaran baharu untuk mencapai matlamat pengajaran-pembelajaran, terdapat ramai guru yang bergelut dengan isu pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan kemahiran teori dan praktikal. Hal ini turut disokong oleh Nor Amalina & Zanaton (2018), yang menyatakan bahawa permasalahan utama dalam pengajaran adalah mencabar bagi guru untuk beralih daripada pengajaran tradisional kepada pengajaran berpusatkan pelajar. Walaupun terdapat ramai guru yang sudah lama menceburi bidang keguruan, namun segelintir guru masih tidak menggunakan kreativiti semasa menyampaikan isi pelajaran dan kemahiran semasa pengajaran amali di dalam bilik darjah mahupun di bengkel sehingga menyukarkan pelajar untuk memahami sesuatu konsep atau kemahiran, terutamanya dalam mata pelajaran amali Reka Bentuk dan Teknologi Zaiha Nabila (2014). Permasalahan ini turut dihadapi oleh guru-guru tersebut iaitu mereka tidak menjalankan pengajaran yang berpusatkan murid kerana mereka tidak mempunyai idea serta cadangan aktiviti yang sesuai untuk digunakan di dalam kelas.



Secara kesimpulannya, di sini jelaslah bahawa satu kajian perlu dijalankan untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh guru serta masalah daripada kajian yang lalu agar proses PdPc dapat dijalankan dengan baik. Permasalahan ini dapat diselesaikan menerusi satu modul yang akan dibangunkan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aplikasi Teknologi untuk membantu guru serta murid agar proses PdPc di dalam kelas menjadi lebih sistematik dan efisien. Selain itu, modul yang dibangunkan juga dapat meningkatkan kefahaman serta menarik minat murid untuk mempelajari mata pelajaran RBT.

1.3 Pernyataan Masalah

Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Tingkatan Tiga merupakan mata pelajaran baharu yang memerlukan perhatian khusus daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini. Oleh yang demikian, berdasarkan analisis kajian keperluan yang dijalankan menerusi borang kajian keperluan yang diedarkan kepada lima orang guru yang mengajar mata pelajaran RBT Tingkatan Tiga menunjukkan bahawa tiga orang guru bersetuju menganggap Topik Aplikasi Teknologi merupakan topik yang sukar untuk dikuasai oleh guru dan murid.

Tambahan lagi, berdasarkan hasil perbincangan di dalam latar belakang kajian, terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi oleh guru yang mengajar mata pelajaran ini. Antara masalah yang dapat dikenalpasti adalah guru mata pelajaran RBT Tingkatan

Tiga didapati merupakan guru yang tidak mempunyai opsyen yang berkaitan dengan bidang ini. Rentetan daripada permasalahan ini akan menyebabkan guru yang mengajar subjek yang bukan daripada bidang kepakaran akan menghadapi masalah untuk mengajar dalam bilik darjah (Banu & Mu'azam, 2018). Hal ini demikian kerana, mata pelajaran RBT Tingkatan Tiga adalah pembelajaran yang melibatkan kepada pembelajaran secara teori dan amali yang memerlukan penguasaan oleh seseorang guru yang mempunyai kepakaran di dalam bidang RBT.

Selain itu, guru juga mengalami masalah dalam menyampaikan pengajaran kerana tidak menguasai topik-topik yang terkandung di dalam mata pelajaran RBT Tingkatan Tiga. Menurut Mohamad Safwandi (2017), untuk menjadikan bahan pengajaran dapat difahami dan membantu pelajar mengembangkan pemahaman konseptual tentang apa yang telah mereka pelajari, cara penyampaian bahan pelajaran oleh guru adalah sangat penting. Di samping itu, guru yang mengajar mata pelajaran RBT Tingkatan Tiga ini juga didapati mengalami masalah kurangnya ilmu pengetahuan terhadap mata pelajaran RBT.

Seterusnya, guru-guru juga mengalami masalah untuk mempelbagaikan Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) disebabkan guru perlu menjalankan tugas-tugas sampingan yang tidak berkaitan dengan pembelajaran sehingga berlakunya kekangan masa oleh guru untuk menghasilkan ABBM. Dalam pada itu, proses PdPc bagi pembelajaran amali di dalam bengkel turut terjejas kerana kekurangan kelengkapan peralatan dan bahan (Hazlani & Muhammad Sukri, 2016).

Akhir sekali, guru-guru juga menghadapi masalah untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam proses PdPc di dalam kelas. Guru-guru sukar untuk beralih daripada pengajaran secara konvensional kepada pengajaran abad ke-21. Justeru itu, berdasarkan permasalahan yang telah dinyatakan, satu kajian perlu dijalankan untuk mengatasi masalah-masalah yang telah disenaraikan. Oleh yang demikian, guru memerlukan satu mekanisma khusus untuk dijadikan panduan di dalam proses PdPc di dalam kelas agar permasalahan yang timbul dapat diselesaikan. Maka, dengan ini pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aplikasi Teknologi dibangunkan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran RBT Tingkatan Tiga.

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- 1.4.1 Membangunkan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3.
- 1.4.2 Mengenal pasti tahap penilaian kesahan pakar terhadap pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3.

- 1.4.3 Mengenal pasti tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek reka bentuk pedagogi dan kurikulum.
- 1.4.4 Mengenal pasti tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek motivasi dan minat.
- 1.4.5 Mengenal pasti perbezaan tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek reka bentuk pedagogi dan reka bentuk kurikulum serta motivasi dan minat berdasarkan faktor jantina.
- 1.4.6 Mengenal pasti perbezaan tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek reka bentuk pedagogi dan reka bentuk kurikulum serta motivasi dan minat berdasarkan faktor bidang pengkhususan akademik (opsyen).
- 1.4.7 Mengenal pasti perbezaan tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek reka bentuk pedagogi dan reka bentuk kurikulum serta motivasi dan minat berdasarkan faktor tempoh pengalaman mengajar.



1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian ini, terdapat beberapa persoalan yang perlu dikaji. Antara persoalan di dalam kajian ini ialah:

- 1.5.1 Bagaimanakah Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dibangunkan?
- 1.5.2 Apakah tahap penilaian kesahan pakar terhadap pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3?
- 1.5.3 Apakah tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek reka bentuk pedagogi dan kurikulum?
- 1.5.4 Apakah tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek motivasi dan minat?
- 1.5.5 Adakah terdapat perbezaan tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek reka bentuk pedagogi dan reka bentuk kurikulum serta motivasi dan minat berdasarkan faktor jantina?
- 1.5.6 Adakah terdapat perbezaan tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3



dari aspek reka bentuk pedagogi dan reka kurikulum serta motivasi dan minat berdasarkan faktor bidang pengkhususan akademik (opsyen)?

- 1.5.7 Adakah terdapat perbezaan tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek reka bentuk pedagogi dan reka bentuk kurikulum serta motivasi dan minat berdasarkan faktor tempoh pengalaman mengajar?

1.6 Hipotesis Kajian

Untuk mencapai tujuan dan objektif kajian ini, terdapat tiga hipotesis yang dikemukakan iaitu:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek reka bentuk pedagogi dan reka bentuk kurikulum serta motivasi dan minat berdasarkan faktor jantina.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek reka bentuk pedagogi dan reka bentuk kurikulum serta motivasi dan minat berdasarkan faktor bidang pengkhususan akademik (opsyen).

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek reka bentuk pedagogi dan reka bentuk kurikulum serta motivasi dan minat berdasarkan faktor tempoh pengalaman mengajar.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini adalah untuk membangunkan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 berdasarkan permasalahan yang dihadapi oleh guru yang mengajar mata pelajaran RBT. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti nilai pekali kesahan dalam kalangan guru dan mengetahui tahap penilaian guru dan maklum balas guru terhadap pembangunan modul yang dibangunkan. Aspek yang dinilai oleh guru adalah aspek reka bentuk pedagogi dan kurikulum serta motivasi dan minat. Seterusnya, matlamat kajian ini juga adalah untuk menilai perbezaan tahap persepsi guru terhadap Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3 dari aspek reka bentuk pedagogi dan kurikulum serta motivasi dan minat berdasarkan faktor bidang pengkhususan dan tempoh pengalam mengajar.


1.8 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian sebagai panduan bagi memastikan dapatan kajian memenuhi objektif kajian. Kajian ini memfokuskan kepada:

1. Kajian ini dijalankan kepada 10 orang pakar yang menepati ciri-ciri yang ditetapkan. 7 orang dilantik sebagai pakar kesahan kandungan dan 3 orang dilantik pakar bahasa.
2. Seramai 30 orang guru di sekolah menengah kebangsaan daerah Pasir Puteh dipilih secara rawak bagi menjalankan kajian rintis terhadap pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan Tiga.
3. Guru yang mengajar mata pelajaran RBT Tingkatan Tiga di sekolah menengah kebangsaan daerah Kota Bharu iaitu seramai 82 orang guru yang terlibat sebagai responden untuk mendapatkan tahap penilaian dari aspek reka bentuk, motivasi dan minat guru terhadap pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Topik Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan Tiga.
4. Kajian ini juga dijalankan selama 12 minggu iaitu selama tiga bulan.

1.9 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian ini dibentuk bagi menjelaskan perhubungan diantara pembolehubah yang terdapat di dalam kajian ini. Menurut Camp (2001), kerangka konseptual adalah struktur yang digunakan untuk menjelaskan perkembangan fenomena yang akan dikaji. Selain itu, menurut Grant & Osanloo (2014), kerangka konseptual memberikan banyak faedah kepada penyelidikan iaitu membantu penyelidik mengenal pasti dan membina pandangannya terhadap skop kajian yang akan dikaji. Kerangka konsep kajian ini menggunakan model ADDIE sebagai asas kajian. Guru merupakan fokus utama dalam kajian ini, di mana peranan guru dalam proses PdPc dari segi penggunaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aplikasi Teknologi dijadikan aspek kajian untuk melihat hubungkaitnya dengan kebolehgunaan dari aspek reka bentuk, motivasi dan minat guru dalam mata pelajaran RBT khususnya topik Aplikasi Teknologi. Kerangka konsep kajian ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.1:



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian



1.10 Kepentingan Kajian

Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan Tiga dibangunkan untuk dijadikan panduan serta sebagai sokongan bahan bantu mengajar kepada pihak tertentu seperti murid tingkatan tiga, guru-guru, sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.10.1 Murid Tingkatan Tiga

Pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aplikasi Teknologi ini diharapkan dapat membantu murid dalam menangani masalah pembelajaran yang berlaku seterusnya meningkatkan prestasi pencapaian murid terhadap pengetahuan dan kemahiran bagi topik reka bentuk mekatronik RBT Tingkatan Tiga. Modul ini juga dibangunkan untuk membantu murid meningkatkan proses pembelajaran agar mereka lebih mudah untuk melakukan rujukan dan mengulangkaji pelajaran. Tambahan lagi, modul yang dibangunkan dapat membantu murid untuk melakukan pembelajaran sendiri.



1.10.2 Guru Mata Pelajaran RBT

Penggunaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aplikasi Teknologi bagi mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan Tiga ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada guru untuk meningkatkan pencapaian, motivasi, dan minat kepada murid. Menerusi modul ini, guru dapat menambahkan lagi alat bahan bantu mengajar (ABBM) yang sedia ada untuk memudahkan proses PdPc di dalam kelas seterusnya dapat mengurangkan beban guru untuk membangunkan ABBM. Selain itu, penggunaan modul ini dapat melancarkan proses pelaksanaan PdPc dan memberi manfaat kepada murid. Oleh itu, bagi menjadikan proses PdPc di dalam bilik darjah lebih teratur dan mudah diikuti oleh murid, guru boleh menggunakan pembangunan modul ini sebagai sumber rujukan.

1.10.3 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Dapatan kajian ini diharap dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membangunkan dan merancang program khusus untuk meningkatkan lagi taraf pendidikan. Aspek-aspek yang penting dalam pelaksanaan mata pelajaran RBT di sekolah juga boleh dipantau dengan teliti oleh KPM. Hasil dapatan kajian juga boleh dijadikan sebagai panduan untuk membimbing penambahbaikan sistem pendidikan di Malaysia. Di samping itu, hasil kajian boleh digunakan sebagai maklumat untuk dasar yang bertujuan untuk meningkatkan taraf pendidikan negara. Maklumat daripada kajian



ini boleh dijadikan sumber rujukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk mencadangkan beberapa kaedah, pendedahan dan pendekatan bagi meningkatkan pengetahuan guru-guru yang akan mengajar mata pelajaran RBT seperti mengadakan kursus pengayaan ilmu pengetahuan.

1.11 Definisi Operasional

Definisi operasional ialah senarai dan penjelasan terperinci bagi setiap istilah, konsep dan pembolehubah yang digunakan dalam kajian yang berdasarkan sesuatu rujukan atau pendapat pakar (Muhammad Nasir, 2013). Kajian ini mentakrifkan beberapa terminologi operasi utama yang perlu dijelaskan secara terperinci untuk menjelaskan maksudnya supaya mudah untuk difahami dan tidak disalah erti. Antara istilah yang penting di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.11.1 Alat Bantu Mengajar

Menurut Ikhsan & Norila (2005), alat bantu mengajar adalah bahan yang digunakan oleh guru bagi menggerakkan proses pengajaran dan pembelajaran ke arah mencapai objektif sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, alat bantu



mengajar yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah Modul Aplikasi Teknologi yang telah dibangunkan.

1.11.2 Pembangunan Modul

Pembangunan modul merupakan satu proses mereka bentuk sebuah modul untuk digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Muhamad Fazli, 2013). Menurut Aliza dan Zamri (2016), pembangunan modul melibatkan proses membina draf modul berdasarkan hasil analisis kajian keperluan, teori, kajian literatur, dan semakan kurikulum. Di dalam kajian ini, pembangunan modul bermaksud pembinaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aplikasi Teknologi berdasarkan DSKP dan buku

1.11.3 Modul Pengajaran dan Pembelajaran

Modul adalah sesuatu sumber pengajaran yang dicipta sambil mengambil kira keperluan dan kebolehan pelajar yang berbeza, membolehkan mereka lebih bertanggungjawab dalam mengawal corak pembelajaran mereka sendiri. (Fatimah, 2012). Selain itu, menurut Mohd Shafie, Hairun, Hasanah dan Ismail (2018), modul adalah topik-topik yang terkandung dalam satu keseluruhan (entiti) yang lebih besar. Tambahan lagi, Zainuddin (2017) mendefinisikan bahawa modul pembelajaran

termasuk beberapa fungsi daripada program pembelajaran yang pelbagai dan dianggap berguna, tetapi modul pembelajaran juga berfungsi untuk memperbaiki sebarang kelemahan yang terdapat di dalam program pembelajaran. Di dalam kajian ini, modul pembelajaran adalah Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aplikasi Teknologi yang dibangunkan untuk keperluan guru dan murid tingkatan tiga yang mempelajari mata pelajaran RBT.

1.11.4 Aplikasi Teknologi

Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-empat aplikasi bermaksud kegunaan, menggunakan secara praktikal atau amali dan melaksanakan atau menggunakan pada amalan.

Aplikasi juga dapat ditafsirkan sebagai penggunaan dan penerapan bagi suatu konsep yang menjadi pokok perbincangan (Eka Noviansyah, 2008). Manakala menurut kamus pelajar edisi kedua pula teknologi dapat didefinisikan sebagai ilmu tentang cara mencipta barang-barang dalam perusahaan. Walau bagaimanapun, di dalam konteks kajian ini Aplikasi Teknologi merupakan salah satu topik yang diperkenalkan bagi mata pelajaran RBT Tingkatan 3.

1.11.5 Persepsi

Persepsi merujuk kepada gambaran atau bayangan, pandangan dan tanggapan peribadi seseorang (Kamus Dewan Edisi Ke-empat, 2010). Menurut Matthew, Georges, Daniel (2015), secara ringkasnya persepsi adalah proses yang dilakukan oleh manusia untuk mentafsirkan keadaan di sekeliling bagi membentuk sesuatu gambaran. Dalam kajian ini, persepsi merujuk kepada pandangan guru mengenai penggunaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aplikasi Teknologi dari aspek motivasi diri dan minat murid.

1.12 Kesimpulan

Bab ini memberikan penjelasan terperinci tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasional yang berkaitan. Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dinyatakan, kajian ini membincangkan secara khusus mengenai masalah yang dihadapi oleh guru-guru RBT Tingkatan Tiga di sekolah untuk menjalankan proses PdPc. Tahap pencapaian murid RBT Tingkatan Tiga dapat ditingkatkan berdasarkan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Aplikasi Teknologi yang dibangunkan untuk membantu guru-guru RBT Tingkatan Tiga. Hasil pembinaan modul ini diharapkan agar proses PdPc yang dijalankan oleh guru RBT Tingkatan Tiga akan menjadi lebih bermakna dan pencapaian murid akan menjadi lebih meningkat.